

04 OCT 2000

Zakibadawi-Islam

MAHATHIR SANGGUP HADAPI BARAT

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 4 Okt (Bernama) -- Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan kesilapan golongan yang mendakwa kononnya Islam tidak mungkin berjalan seiring dengan sains dan teknologi.

Penghargaan itu diberikan oleh Dr Zaki Badawi, Pengetua Muslim College di sini pada perjumpaan cendekiawan dan pemimpin Islam sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri.

Dr Badawi memberi pujian itu ketika memperkenalkan Dr Mahathir kepada perhimpunan kira-kira 100 wakil pertubuhan Islam dari Britain pada majlis makan malam meraikan Dr Mahathir pada hari Selasa.

Dr Badawi berkata Dr Mahathir telah membawa Malaysia ke arah kemajuan sains sambil terus berpegang kepada prinsip Islam.

Dr Badawi, anak kelahiran Mesir yang merupakan seorang daripada pensyarah perintis di Kolej Islam Klang, Selangor pada pertengahan 1950-an, berkata bahawa daripada pengalamannya di Malaya ketika itu, beliau melihat satu situasi "yang menghancurkan hati" beliau.

"Di sana, orang saya sendiri (Islam) terpinggir, hidup dengan bergantung kepada pertanian. Industri perkara asing bagi mereka, tetapi mereka sebenarnya warak. Namun di sekeliling mereka orang lain kaya-raya," kata beliau.

Selepas merdeka, persoalan yang dihadapi pemimpin Malaysia ialah bagaimana mewujudkan keadaan yang seimbang, kata Dr Badawi.

Beliau berkata satu-satunya cara untuk memajukan sebuah masyarakat yang sebegitu coraknya ialah dengan meningkatkan kekayaan, suatu tugas yang memerlukan kepimpinan dan wawasan.

Kemakmuran Malaysia sekarang adalah hasil daripada tindakan satu orang, dan ini dilakukan tanpa paksaan, tanpa sosialisme, tetapi hanya dengan kewajaran dan dengan Islam, katanya.

"Orang yang menghasilkan pembangunan itu adalah tidak lain daripada Dr Mahathir."

Beliau berkata kemajuan di Malaysia berlaku dengan sebegitu rupa sehingga mereka yang diahirkan pada tahun-tahun selepas merdeka kini menganggap bahawa Malaysia sememangnya begitu.

Dr Badawi berkata semasa krisis kewangan dunia pada 1997 sebuah negara berdiri seorang diri menghadapi tekanan daripada dua gergasi -- IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan Bank Dunia.

Beliau mengingatkan hadirin bagaimana seronoknya jurnal ekonomi Barat apabila apa yang dianggap sebagai Harimau Asia terjerumus ke dalam masalah kewangan dan didedahkan sebagai tidak lebih daripada sampah yang dengan mudah boleh ditimbusi tanah.

"Barat ketika itu berkata: 'Biarkan mereka menyerahkan kepimpinan ekonomi dan negara mereka kepada Bank Dunia dan IMF'," katanya.

"Dan siapakah yang mengambil pendirian ini (menghadapi Barat)? Sekali lagi tidak lain daripada Perdana Menteri Dr Mahathir... Beliau melantik dirinya sebagai Menteri Kewangan, sambil berkata 'Saya akan melaksanakan dasar ini dan saya akan bertanggungjawab ke atasnya'," kata Dr Badawi.

Beliau berkata beliau baru sahaja kembali dari Malaysia ketika itu dan diberitahu oleh seorang tokoh perbankan bahawa Malaysia akan gagal.

Seterusnya beliau berkata: "Enam bulan kemudian sebuah jurnal yang disanjung ramai The Economist terpaksa menulis rencana panjang lebar yang mengakui kesilapan ramalan mereka."

Ketika menyenaraikan pencapaian lain oleh Dr Mahathir, beliau menyebut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("satu-satunya di dunia yang berfungsi dengan sepenuhnya"), dan Perbankan Islam.

Mengenai Perbankan Islam di Malaysia, beliau berkata: "Ia bukan

dilakukan dengan membuta tuli, bukan tanpa kewajaran tetapi dengan syarat bahawa ia mesti bersaing dalam pasaran."

Beliau berkata Malaysia adalah negara yang disayangnya kerana ia telah membuktikan umat Islam dan Islam itu sendiri boleh mencapai kemajuan dalam sains dan teknologi, juga kerana ia telah mempelopori jalan ke arah pertumbuhan sains sambil berpegang kepada prinsip Islam.

Dr Badawi berkata, ketika beliau berada di Nigeria, beliau diberitahu oleh seorang ahli sains sosial yang membuat penyelidikan mengenai perancangan bahawa dakwaan terhadap umat Islam ialah bahawa mereka tidak dapat merancang kerana mereka terlalu banyak terlibat dalam pertengkaran dan pertelingkahan "tanpa kefahaman tentang masa depan."

Beliau berkata beliau diberitahu bahawa sesetengah orang Islam tidak dapat merancang kerana mereka hanya berserah kepada nasib.

Dr Badawi berkata: "Saya ingin membetulkan kekeliruannya mengenai perkara ini kerana perancangan adalah sebahagian daripada kepercayaan kita."

Dalam ucapannya, Dr Mahathir -- yang disifatkan oleh Dr Badawi sebagai "pemikir, pentadbir, dan pemimpin" -- berkata bahawa walaupun beliau berusaha keras untuk bersikap optimistik tentang umat Islam, beliau tidak boleh mengelakkan daripada tiba pada kesimpulan yang muram kerana mereka terlalu sibuk dengan perbincangan yang remah-temah, tuduhan, dan pertelingkahan sesama mereka.

Di Malaysia umat Islam cuba menunjukkan bahawa mereka boleh hidup bersama dengan penganut agama lain dan mendukung sains dan kesenian, namun terdapat pula golongan yang lebih taksub kepada syahid.

Jihad umat Islam di Malaysia ialah mengenai kemajuan dalam pendidikan dan teknologi dan pembangunan kemanusiaan, katanya.

Antara komen dan soalan yang dikemukakan kepada Dr Mahathir selepas memberi ucapannya bertajuk 'Masa Depan Umat Islam Dalam Alaf Baru' itu ialah daripada Sheikh Muhammad Musa daripada Liga Ahlil Bayt Islam yang berkata beliau merasa bimbang dengan "sikap tidak begitu optimistik" Dr Mahathir terhadap masa depan umat Islam.

Shaikh itu berkata golongan orang Islam yang diperkatakan oleh Dr Mahathir itu adalah sebilangan kecil dan terdapat juga di Britain.

"Mereka tidak boleh mempengaruhi golongan majoriti," katanya.

Seorang remaja bertanya mengapa Dr Mahathir bercakap dengan perpecahan di kalangan orang Islam "apabila YAB sendiri turut bertanggungjawab sebahagiannya terhadap keadaan itu melalui tindakan menahan dan membicarakan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim."

Dr Mahathir menjawab dengan memberikan kronologi tentang apa yang berlaku dan sebab-sebab Anwar didakwa di mahkamah.

"Hati kecil saya bersih daripada rasa bersalah dalam keseluruhan perkara ini," kata Perdana Menteri.

Di luar hotel di pusat bandar raya London tempat majlis itu berlangsung, sekumpulan kira-kira 20 orang Islam mengambil bahagian dalam satu demonstrasi bagi menyeru supaya Anwar dibebaskan.

Mereka mengedarkan gambar-gambar Anwar dalam pakaian penjara dan membawa sepanduk yang mendakwa Dr Mahathir telah memalukan Malaysia.

-- BERNAMA

WAH AHH AAM NMO